



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
Department of Occupational Safety and Health
Ministry of Human Resources
Aras 2, 3 & 4, Blok D3, Kompleks D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62530 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel. : 603-8000 8000
Faks (Fax) : 603-8889 2443
Laman Web (Web) : www.dosh.gov.my

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JKPP IS/127/625/2- 363
Tarikh : 20 Mei 2015

Pengurus,
KAWAHARA ENGINEERING WORKS SDN BHD
No. 3, Jalan SC 2,
Pusat Perindustrian Sg. Chua,
43000 Kajang,
Selangor

Tuan,

**KELULUSAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SEBAGAI ORANG YANG KOMPETEN
DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN (LIF LETRIK PENUMPANG DAN BARANG-
BARANG) KILANG DAN JENTERA 1970**

Nama : **Chong Soon Khong**
No. Kad Pengenalan : **810128-10-5309**
No. Pendaftaran : **CP LIF 01/14/110**
Gred Pendaftaran : **Orang Yang Kompeten (Lif) Gred 1**
Tempoh Kelulusan : **15 Mei 2015 hingga 15 Mei 2018**

Adalah saya merujuk kepada permohonan tuan berkenaan perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan, dengan ini diperakukan bahawa **penama di atas** layak menjadi Orang Yang Kompeten, seperti yang disebut di Peraturan 31(2), Peraturan-peraturan (Lif Letrik Penumpang dan Barang-barang) Kilang dan Jentera 1970. Kelulusan ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

- i) Orang Yang Kompeten di atas hendaklah menjalankan tanggungjawabnya sebagai Orang Kompeten seperti yang disebut di Akta Kilang & Jentera 1967:
 - 1) Menjadi wakil pemunya lif bagi menyediakan, menandatangani dan menghantar kepada Ketua Pemeriksa, Jadual Pertama seperti yang tersebut di dalam Peraturan 6 (a), Peraturan- Peraturan (Lif Penumpang Elektrik dan Barang – Barang) Kilang dan Jentera, 1970;
 - 2) Menjalankan tanggungjawab seperti yang tersebut di dalam Peraturan 30, Peraturan-Peraturan (Lif Penumpang Elektrik dan Barang – Barang) Kilang dan Jentera, 1970;
 - 3) Menjalankan tanggungjawab seperti yang tersebut di dalam Peraturan 31(5), 31(6), 31(7), dan 31(8), Peraturan- Peraturan (Lif Penumpang Elektrik dan Barang – Barang) Kilang dan Jentera, 1970; dan



ISO 9001:2008 Certified



MS 1722 : 2011;OHSAS 18001 : 2007 Certified

- 4) Menghadiri bersama Pegawai Pemeriksa Kilang dan Jentera semasa pemeriksaan ulangan atau pemeriksaan susulan seperti yang tersebut di dalam Peraturan 21 dan 22, Peraturan- Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera, 1970 atau apa-apa pemeriksaan lain yang perlu dilaksanakan oleh Pegawai Pemeriksa Kilang dan Jentera.
- ii) Orang Yang Kompeten di atas bertanggungjawab ke atas keselamatan dan kesihatan pekerja firma yang diluluskan dan orang lain semasa pemasangan, ujian, penyelenggaraan dan pemeriksaan lif, eskalator dan dumbwaiter yang di bawah jagaannya;
- iii) Orang Yang Kompeten di atas bertanggungjawab memastikan pemasangan lif, eskalator dan dumbwaiter mengikut spesifikasi rekabentuk dan Jadual Pertama yang telah diluluskan oleh Jabatan.
- iv) Orang Yang Kompeten di atas hendaklah melaporkan dengan segera kepada Jabatan ini kejadian berbahaya atau kemalangan yang melibatkan lif, eskalator dan dumbwaiter di bawah jagaannya. Orang Yang Kompeten di atas juga dikehendaki menyediakan satu laporan siasatan kejadian berbahaya atau kemalangan yang menjelaskan perihal kejadian kejadian berbahaya atau kemalangan, punca dan langkah pembaikan yang akan dibuat oleh firma yang diluluskan dan menghantarkannya kepada Ketua Pemeriksa Kilang dan Jentera dalam tempoh sebulan dari tarikh kejadian kejadian berbahaya atau kemalangan. Orang Yang Kompeten di atas hendaklah memberi bantuan kepada Pegawai Pemeriksa Kilang dan Jentera semasa siasatan dijalankan.
3. Penama di atas dibenarkan menjalankan tanggungjawabnya sebagai Orang Yang Kompeten untuk jenama lif yang diluluskan kepada firma Tuan sahaja iaitu lif jenama seperti di **Jadual 1**:

Bil	Jenis Jentera	Pembuat	Jenama
1.	Platform / Home Lift	Sele Srl 40055 Castenaso (BO), Via XXV Aprile 1945 n. 63, Italy	Sele
2.	Platform Lift	Aritco Energivagen 7, 19632, Kungsangen, Sweeden	Aritco
3.	Platform / Stairlift	Hiro Lift Meller Strabe 6, 33613 Bielefeld	Hiro

Jadual 1

4. Orang Yang Kompeten di atas dikehendaki memohon untuk pembaharuan pendaftaran sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh tamat pendaftarannya. Permohonan pembaharuan ini mestilah melalui firma yang diluluskan.

5. Orang yang Kompeten dikehendaki menjalankan sekurang-kurangnya **tiga puluh (30)** pemeriksaan pertama atau ulangan dalam setahun bagi melayakkan pembaharuan sebagai Orang Yang Kompeten. Bersama ini disertakan borang Pemeriksaan Lif.

6. Perlu diingatkan bahawa perakuan di atas **akan terbatal, apabila Orang Yang Kompeten di atas menamatkan perkhidmatannya dengan firma tuan.** Oleh itu, pihak tuan dikehendaki memaklumkan ke Jabatan ini dengan segera, jika Orang Yang Kompeten di atas menamatkan

perkhidmatannya dengan firma tuan. Pendaftaran syarikat tuan sebagai firma yang diluluskan mungkin akan dibatalkan jika pihak tuan gagal berbuat demikian.

7. Perlu diingatkan di sini bahawa Jabatan ini boleh membatalkan kelulusan ini bila-bila masa sekiranya terdapat pelanggaran kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan.

8. Sekiranya Orang Yang Kompeten di atas bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat seperti di atas, sila maklumkan ke Jabatan ini secara bertulis dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh surat ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(Ir. IBRAHIM BIN MD. DOL)

b.p Ketua Pengarah,

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

- s.k.;
- i. Semua Pengarah, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
 - ii. Ketua Seksyen Rekabentuk, Bahagian Keselamatan Industri

arm